

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2004/2005

Mei 2005

SAW305 - Teori Lanjutan Tingkahlaku Manusia dan Masyarakat

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan 1 dan Soalan 2 di Bahagian I adalah **WAJIB**. Pilih dan jawab **DUA (2)** soalan dari Bahagian II.

BAHAGIAN I (60 markah)

Soalan 1 dan Soalan 2 adalah WAJIB.

1. Pilih TIGA (3) daripada enam konsep di bawah. Berikan (a) definisi; (b) penerangan dan (c) contoh bagi setiap satu konsep yang anda pilih.
 - a. Konflik luaran (*External conflict*)
 - b. Status peranan (*Status role*)
 - c. Otoriti (*Authority*)
 - d. Pengurusan impresi (*Impression management*)
 - e. Prinsip dan lain-lain (*et cetera principle*)
 - f. Teori-teori pertengahan (*Middle-range theories*)(30 markah)

2. Pilih dua perspektif yang dibincangkan sepanjang kursus. Bincang serta bandingkan daripada segi:
 - a. tahap analisa;
 - b. pandangan terhadap tingkahlaku manusia; dan
 - c. motivasi untuk aksi sosial manusia.(30 markah)

BAHAGIAN II (40 markah)

Pilih dan jawab DUA (2) daripada empat soalan berikut. Jawab setiap bahagian dalam setiap soalan yang anda pilih.

3.
 - a. Huraikan sistem aksi am Parsons dengan menggunakan skema AGIL.(10 markah)
 - b. Bandingkan teori konflik dan struktur fungsionalisma.(10 markah)

4.
 - a. Menurut Bourdieu, bagaimanakah kelas masyarakat dihasilkan semula melalui sistem pendidikan?
(10 markah)
 - b. Bincangkan mengapa konflik luaran dan konflik dalaman perlu untuk sesuatu kumpulan.
(10 markah)
5.
 - a. Dengan memberi penekanan terhadap beberapa ciri ‘diri’ (*self*), bincangkan apa yang membezakan Robinson Crusoe dan Tarzan mengikut perspektif interaksi simbolik.
(10 markah)
 - b. Apakah tiga prinsip asas interaksi simbolik yang dikemukakan oleh Blumer?
(10 markah)
6.
 - a. Bandingkan etnometodologi dan interaksi simbolik.
(10 markah)
 - b. Bagaimanakah Goffman menggunakan idea-idea pementasan untuk memahami aksi sosial?
(10 markah)